

# Peruntukan RM100j promosi produk ke negara Teluk disokong

UM 13 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Majlis Perniagaan Malaysia-Teluk (MGBC) mengalukan peruntukan sejumlah RM100 juta bagi mempromosi produk Malaysia di negara-negara berkenaan yang diumumkan di dalam Bajet 2004 hari ini.

Pengerusi penajanya, **Datuk Syed Hussien Al-Habshee** berkata, majlis berkenaan mengalukan sokongan kerajaan dalam memasarkan barangan dan perkhidmatan Malaysia di negara-negara tersebut.

“MGBC juga beraizam untuk mempergiatkan promosi barangan dan perkhidmatan syarikat-syarikat tempatan di rantau berkenaan sebagai menghargai sokongan yang diberi oleh kerajaan,” katanya.

Syed Hussien berkata demikian ketika menghubungi *Utusan Malaysia* selepas siaran langsung pembentangan Bajet 2004 di Dewan Rakyat oleh Perdana Menteri Datuk Seri, Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Mengulas mengenai perancangan MGBC, beliau berkata, satu ekspso barangan dan

perkhidmatan Malaysia akan diadakan di Dubai pada Februari tahun depan.

“Ekspo itu dijangka mempamerkan barangan Malaysia seperti perabot, barangan binaan dan makanan-makanan halal kepada lebih satu bilion pengguna di Dubai yang merupakan pintu masuk kepada Asia Barat,” jelas Syed Hussien.

Selain itu, tambahnya MGBC juga bercadang untuk menganjurkan satu pameran bergerak (road show) ke Emiriah Arab Bersatu (UAE), Oman, Bahrain, Qatar dan Kuwait.

Menyentuh mengenai perkhidmatan kesihatan, Syed Hussien yang juga Pengerusi Eksekutif Perkhidmatan Kesihatan Antarabangsa berkata, tiga warga UAE akan tiba di Malaysia tidak lama lagi bagi mendapatkan rawatan kesihatan.

“Mereka dijadualkan mendapatkan rawatan di Institut Jantung Negara, Pusat Perubatan Pantai dan Pusat Perubatan Subang Jaya,” katanya sambil menambah ini merupakan kejayaan awal dalam memasarkan sektor pelancongan-kesihatan negara.